

**NO. SOALAN: 32**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk dan latihan yang disediakan kepada Pegawai Hal Ehwal Islam yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebelum mereka ditempatkan dan adakah kursus dan latihan tersebut setaraf dengan kursus-kursus yang diberikan kepada Pegawai-Pegawai Tadbir Diplomatik.**

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan perihatin terhadap kecekapan, kualiti dan kewibawaan Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) bagi memenuhi aspirasi Kerajaan. Menyedari tanggungjawab besar ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), perlu mempersiapkan dan menyediakan Pegawai Hal

Ehwal Islam yang berkualiti yang akan melaksanakan dan merialisasikan misi dan visi JAKIM. Tambahan pula pada masa kini, pengurusan hal ehwal Islam semakin mencabar disebabkan tuntutan cabaran semasa dan aspirasi masyarakat. Oleh yang demikian, persediaan membentuk Pegawai Hal Ehwal Islam yang cemerlang dengan ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran hari ini, memerlukan persediaan dan latihan yang terancang dan berterusan bermula daripada mula perlantikan ke jawatan berkenaan.

Menyedari hakikat ini, JAKIM telah mewajibkan kepada semua Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pembantu Hal Ehwal Islam mengikuti **Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam** sejurus selepas melaporkan diri di JAKIM. Tujuan kursus ini adalah seperti berikut:

- i. melahirkan warga perkhidmatan hal ehwal Islam yang beriman, berilmu, profesional dan kompeten;
- ii. membentuk warga perkhidmatan hal ehwal Islam yang bersikap positif, berintegriti, berpersonaliti tinggi;
- iii. menerapkan pendekatan berhikmah dalam perkhidmatan hal ehwal Islam ke arah melahirkan budaya kerja cemerlang; dan
- iv. memberi penjelasan bagi meningkat kefahaman mengenai perkhidmatan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam ini mula dilaksanakan pada tahun 2005. Sehingga kini, seramai 512 Pegawai Hal Ehwal Islam telah mengikuti kursus tersebut. Tempoh pelaksanaan kursus adalah sepuluh (10) hari berpandukan kepada modul yang dibangunkan oleh JAKIM iaitu **modul i-Qawiyy al-Amin**. Modul ini memberi penekanan kepada 3 kompenan utama iaitu;

- i. pembangunan sahsiah diri Pegawai Hal Ehwal Islam.
- ii. pembinaan kemahiran ikhtisas berkaitan hal ehwal Islam; dan
- iii. pemahaman mengenai pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia.

Bagi memantapkan lagi Pegawai Hal Ehwal Islam, **mulai tahun 2010**, JAKIM telah mewajibkan kepada semua pegawai yang baru dilantik mengikuti **Diploma Pengurusan Islam (DPI)** selepas mengikuti Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Program ini berbentuk latihan jangka panjang melibatkan tempoh masa selama enam (6) bulan. Seramai 162 orang Pegawai Hal Ehwal Islam telah mengikuti kursus ini.

Program DPI ini memberi penekanan kepada pembentukan saksiyah, sikap, semangat berpasukan dan lain-lain tujuan pembentukan kepimpinan bagi mempertingkatkan kepakaran dan memperkuuhkan kebolehan mengurus. Objektif pelaksanaan program DPI ini adalah seperti berikut:

- i. membentuk Pegawai Hal Ehwal Islam yang teguh aqidah, komited dengan amalan Islam, mempunyai jati diri yang kukuh, nilai integriti yang tinggi, berdisiplin dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran;
- ii. membentuk Pegawai Hal Ehwal Islam yang berketrampilan dan mampu memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berfikiran terbuka selaras dengan keperluan kerjaya, masyarakat dan negara;
- iii. melahirkan Pegawai Hal Ehwal Islam yang mempunyai sakhsiyah yang tinggi berlandaskan nilai dan etika Islam;
- iv. melahirkan Pegawai Hal Ehwal Islam yang berilmu dan berdaya saing yang mampu memberi sumbangan dalam pembangunan ummah; dan
- v. menjadi salah satu syarat pengesahan dalam jawatan

Modul DPI yang dibangunkan ini mempunyai kesamaan dan setaraf dengan modul kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) yang diikuti oleh Pegawai Tadbir Diplomatik dan telah disesuaikan mengikut keperluan Pegawai Hal Ehwal Islam. Sebagaimana modul DPA, modul DPI juga memberi penekanan kepada pembentukan profesional dan personal melalui aktiviti-aktiviti yang mampu mempertingkatkan kepakaran dan memperkuatkannya kebolehan mengurus. Selain itu, modul DPI mencakupi modul dalaman, modul luaran dan modul penempatan.

Sekian, terima kasih.